

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA TAHUN 2026**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
SABTU, 24 SAFAR 1448H BERSAMAAN 08 OGOS 2026M**

PJL04/02/2026

1

No. Soalan: PL185

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH
ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN**

TARIKH : 08.08.2026 [SABTU]

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan tindakan susulan Kenyataan Menteri mengenai sesi akademik banduan yang bermula Oktober 2025, sejauh manakah ia direalisasikan serta apakah strategi jangka panjang Kementerian membangunkan laluan pendidikan berterusan ke peringkat pendidikan teknikal, vokasional dan pengajian tinggi bagi reintegrasi banduan ke masyarakat?

JAWAPAN:

Soalan yang berkaitan dengan strategi jangka panjang bagi laluan Pendidikan berterusan banduan telah pernah dikongsikan melalui Kenyataan Menteri pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Puluh Dua Majlis Mesyuarat Negara.

Namun begitu dikongsikan perkembangan mengenai sesi akademik banduan yang mana bagi Kohort 2025, seramai 32 orang banduan telah mengikuti peperiksaan di peringkat 'O' Level, manakala bagi inisiatif-inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Penjara antaranya termasuk:

- Program Kemasyarakatan dan Sokongan Keluarga Penghuni Penjara;
- Pelbagai latihan vokasional dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan, pihak swasta dan badan bukan Kerajaan antaranya seperti Latihan Pertukangan Kayu, Latihan Tenunan; dan Program *Bakery*; serta

-
- Program Hafazan Al-Quran bagi pengukuhan Jati Diri, yang mana setakat ini Alhamdulillah, salah seorang peserta telah pernah mengikuti Musabaqah Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan.

No. Soalan: PL240**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN****TARIKH : 08.08.2026 [SABTU]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan adakah kajian dibuat oleh Kementerian Hal Ehwat Ugama mengenai jemaah umrah Brunei yang menggunakan penerbangan asing dari negara jiran berbanding RB dari negara sendiri, bagi memastikan nilai lesen umrah turut memberi manfaat kepada pendapatan ekonomi negara?

JAWAPAN:

Setakat ini Kementerian Hal Ehwat Ugama belum membuat kajian ekonomi khusus yang membandingkan penggunaan penerbangan asing dari negara jiran dengan penggunaan RB dari Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, Jabatan Urusan Haji sebenarnya ada menerima maklumat perjalanan secara rutin daripada syarikat pengendali tempatan yang diberikan kebenaran mengendalikan pakej umrah. Maklumat tersebut termasuk senarai nama jemaah, aturcara perjalanan dan syarikat penerbangan yang digunakan.

Tujuan utama pengumpulan maklumat tersebut adalah untuk menjaga keselamatan dan kebajikan jemaah serta membolehkan bantuan diselaraskan berdasarkan rekod yang tepat sekiranya berlaku kecemasan di Tanah Suci. Oleh itu, data berkenaan merupakan rekod pentadbiran dan operasi, dan bukan data yang secara khusus dikumpulkan bagi mengukur kesan atau sumbangan ekonomi.

Perlu juga dijelaskan bahawa rekod Jabatan Urusan Haji hanya meliputi jemaah yang menggunakan perkhidmatan syarikat pengendali umrah tempatan yang diberikan kebenaran. Ia tidak termasuk individu atau kumpulan yang mengatur perjalanan secara persendirian tanpa menggunakan mana-mana syarikat pengendali umrah tempatan.

Oleh yang demikian, perangkaan yang tersedia belum dapat dianggap sebagai gambaran menyeluruh mengenai semua jemaah umrah Brunei atau dijadikan asas muktamad bagi menilai kesannya kepada ekonomi negara. Namun demikian, dalam skop rekod yang tersedia bagi tempoh Januari hingga Julai 2026, seramai 1,622 orang jemaah umrah direkodkan melalui 36 buah syarikat pengendali tempatan yang diberikan kebenaran.

Daripada jumlah tersebut, seramai 1,577 orang atau 97.2 peratus menggunakan perkhidmatan RB. Ini terdiri daripada 1,083 orang yang menggunakan penerbangan terus dari Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi dan 494 orang yang melalui transit di negara ketiga. Manakala 45 orang atau 2.8 peratus menggunakan penerbangan asing melalui Miri, Sarawak.

Perangkaan ini menunjukkan bahawa, dalam kalangan jemaah yang menggunakan syarikat pengendali tempatan yang diberikan kebenaran, penggunaan RB adalah sangat tinggi. Walau bagaimanapun, angka tersebut merupakan petunjuk penggunaan syarikat penerbangan dan belum merupakan ukuran mengenai jumlah pendapatan atau nilai ekonomi yang diperoleh negara. Untuk makluman, terdapat dua bentuk kebenaran yang berkaitan:

- a. Lesen Ejen Pelancongan dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan,
- b. manakala Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Haji memberikan kebenaran khusus untuk mengendalikan perkhidmatan pakej Haji dan Umrah.

Pertimbangan teras Kementerian dalam memberikan kebenaran tersebut ialah keselamatan dan kebajikan jemaah serta pematuhan syarikat pengendali terhadap syarat-syarat yang ditetapkan. Kebenaran kepada syarikat pengendali tempatan sememangnya membuka ruang kepada kegiatan perniagaan dan penyediaan perkhidmatan dalam negara. Walau bagaimanapun, nilai sebenar sumbangannya kepada ekonomi negara, termasuk komponen tambang penerbangan, belum dihitung melalui suatu kajian yang menyeluruh.

Pemilihan syarikat penerbangan pula dipengaruhi oleh beberapa faktor, termasuk harga pakej, ketersediaan tempat duduk dan kesesuaian atur cara perjalanan. Oleh itu, manfaat ekonomi industri umrah tidak dapat diukur berdasarkan syarikat penerbangan yang digunakan sahaja, tetapi perlu mengambil kira keseluruhan rangkaian perkhidmatan dan bahagian perbelanjaan yang benar-benar kekal dalam ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Sekiranya manfaat ekonomi industri umrah hendak dinilai secara lebih menyeluruh, ia memerlukan data yang lebih lengkap serta penyelarasan bersama Jabatan Kemajuan Pelancongan, RB dan agensi-agensi berkepentingan dalam bidang ekonomi dan pengangkutan.

No. Soalan: PL202**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED****TARIKH : 08.08.2026 [SABTU]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan apakah pendekatan Kementerian bagi memastikan anak-anak warga Negara Brunei Darussalam yang mengikuti ibu bapa bertugas di luar negara tidak tercicir dalam pendidikan agama? Adakah pernah dipertimbangkan pelaksanaan sistem pembelajaran yang setara dengan persekolahan agama di dalam negara melalui platform digital atau kaedah lain yang membolehkan mereka meneruskan pembelajaran mengikut kurikulum kebangsaan?

JAWAPAN:

Keprihatinan Yang Berhormat adalah tepat. Seorang anak yang mengikuti ibu bapanya bertugas di luar negara tidak seharusnya terputus akses kepada pendidikan agama hanya kerana berada jauh dari tanah air.

Ingin menyatakan prinsip Kementerian dalam perkara ini. Kesetaraan diukur pada piawaian kurikulum dan pentaksiran. Bukan semata-mata pada kaedah penyampaian.

Seseorang anak di luar negara mungkin belajar melalui kaedah dan jadual yang berbeza. Oleh itu, perkara yang boleh disetarakan secara munasabah ialah kurikulum dan standard pentaksiran, manakala kaedah penyampaian dan waktu pembelajaran boleh disesuaikan dengan keadaan setempat.

Berpanduan prinsip ini, anak-anak warganegara di luar negara boleh mengakses kurikulum dan bahan yang selaras serta mengikuti pentaksiran yang diselaraskan, tertakluk kepada aturan pelaksanaan yang ditetapkan.

Hasil pentaksiran dilaporkan menggunakan standard yang sama, termasuk peluang menduduki Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Agama (SSSRU) bagi pelajar yang memenuhi syarat. Inilah bentuk kesetaraan yang dihasratkan.

Bagi mencapai kesetaraan tersebut, Kementerian melalui Jabatan Pengajian Islam menyediakan sokongan dalam 3 peringkat, dengan kerjasama Kedutaan Besar dan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam.

- a. Bahan pembelajaran yang setara, termasuk buku teks dan bahan pembelajaran digital yang selaras dengan kurikulum sekolah agama di Negara Brunei Darussalam.
- b. Pentaksiran dan penilaian yang setara, di mana pelajar mengikuti ujian dan peperiksaan yang diselaraskan mengikut standard Jabatan Pengajian Islam. Kertas jawapan diperiksa oleh guru-guru Jabatan Pengajian Islam bagi memastikan keseragaman penilaian dan pencapaian akademik.
- c. Peluang menduduki peperiksaan awam agama, termasuk Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Agama (SSSRU), sebagaimana yang dilalui oleh pelajar di dalam negara.

Berdasarkan data pelaporan terkini tahun 2026, seramai 30 orang pelajar di sembilan (09) buah negara sedang mengikuti pembelajaran agama berdasarkan kurikulum yang ditetapkan, bagi memastikan kesinambungan pendidikan agama mereka terus terpelihara walaupun berada di luar negara.

Pelaksanaan pembelajaran agama tersebut disesuaikan dengan keadaan, keperluan dan keupayaan di negara masing-masing. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah dengan mengadakan perundingan antara ibubapa dengan guru yang bersedia memberikan perkhidmatan pembelajaran secara dalam talian. Jadual pembelajaran seterusnya ditetapkan berdasarkan kesesuaian dan persetujuan bersama antara guru, ibubapa dan pelajar dengan memanfaatkan platform digital yang disediakan. Pendekatan ini memberikan fleksibiliti dalam pelaksanaan pembelajaran, khususnya bagi menyesuaikan perbezaan zon waktu serta kedudukan pelajar yang berada di negara-negara yang berlainan.

Dalam masa yang sama, keperluan terhadap perkhidmatan pembelajaran agama secara dalam talian turut membuka ruang kepada penyedia perkhidmatan pendidikan agama untuk memperluaskan perkhidmatan melalui platform digital. Perkembangan ini merupakan satu nilai tambah dalam memperluaskan akses kepada pendidikan agama, khususnya bagi anak-anak Brunei di luar negara, di samping melengkapi usaha Kerajaan dalam memastikan pendidikan agama dapat terus diikuti tanpa dibatasi oleh faktor lokasi dan jarak.

Yang Berhormat bertanya sama ada pernah dipertimbangkan pelaksanaan sistem pembelajaran yang setara sepenuhnya dengan persekolahan agama di dalam negara, melalui platform digital atau kaedah lain.

Pada masa ini, Kementerian menyediakan kurikulum, bahan dan pentaksiran yang diselaraskan. Dan bukan sebuah sekolah agama maya yang beroperasi sepenuh masa.

Pendekatan ini mengambil kira bahawa anak-anak berkenaan sudah pun bersekolah sepenuh masa di negara penempatan ibu bapa mereka. Pendidikan agama merupakan tambahan kepada jadual harian mereka. Oleh itu, beban pembelajaran dan perbezaan zon waktu perlu diurus secara munasabah.

Walau bagaimanapun, Kementerian menerima baik cadangan Yang Berhormat. Perkembangan teknologi hari ini membuka ruang yang lebih luas berbanding beberapa tahun lalu, dan kaedah penyampaian yang lebih interaktif mungkin dapat dipertimbangkan tanpa membebankan pelajar.

Sehubungan itu, Kementerian melalui Jabatan Pengajian Islam akan meneliti keupayaan memperkukuh komponen pengajaran secara dalam talian, khususnya bagi pelajar yang berada di negara yang mempunyai bilangan pelajar Brunei yang terhad, serta tidak mempunyai akses kepada kumpulan pembelajaran agama atau sokongan pendidikan agama yang mencukupi.

Kesimpulannya, seorang anak yang berada jauh dari tanah air tetap seorang anak Brunei. Tanggungjawab kita terhadap pendidikan agamanya tidak berkurangan kerana jarak.

Kementerian juga menghargai komitmen tinggi ibu bapa dan penjaga pelajar yang masih menghasratkan anak-anak mereka untuk mengikuti pembelajaran agama demi memastikan anak-anak bukan hanya dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran akademik bahkan juga turut dididik dan dilengkapi dengan ilmu-ilmu agama agar menjadi insan yang berpengetahuan dan berakhlak mulia.

No. Soalan: PL243

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD
DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB

TARIKH : 08.08.2026 [SABTU]

SOALAN:**YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB**

meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan data kadar pengulangan jenayah (*recidivism*) bagi individu yang menjalani Perintah Probesen berbanding mereka yang dipenjarakan? Adakah kementerian bercadang mewujudkan sistem penilaian impak tersebut, mewujudkan pangkalan data nasional bagi mengukur keberkesanan program berdasarkan kadar pengulangan jenayah, peluang pekerjaan dan integrasi semula ke dalam masyarakat.

JAWAPAN:

Perkara yang dibangkitkan merupakan satu pemerhatian yang baik. Walau bagaimanapun, penilaian kadar pengulangan jenayah perlu dilihat secara menyeluruh melalui pendekatan *Whole-of-Government*, sama ada melibatkan individu yang dikenakan Perintah Probesyen atau mereka yang dijatuhi hukuman pemenjaraan.

Kedua-dua mekanisme tersebut adalah berbeza dari segi bidang kuasa, bentuk hukuman dan pengendalian pentadbirannya. Perintah Probesyen bukanlah satu hukuman pemenjaraan, tetapi suatu perintah mahkamah yang dibuat di bawah peruntukan undang-undang *Offenders (Probation and Community Service) Act, Chapter 220* yang di bawah bidang kuasa Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berbeza daripada undang-undang yang mengawal hukuman penjara.

Pelaksanaan Perintah Probesyen dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan seperti program khidmat masyarakat. Manakala individu yang dijatuhi hukuman penjara, rekod kemasukan dan pembebasan serta kemasukan semula adalah di bawah kendalian Jabatan Penjara.

Berhubung pengulangan jenayah atau *recidivism*, Jabatan Penjara mempunyai data berkaitan bekas penghuni yang kembali menjalani hukuman pemenjaraan. Berdasarkan pemerhatian rekod Jabatan, antara kesalahan yang sering dikaitkan dengan kemasukan semula ialah kesalahan berkaitan curi dan dadah. Walau bagaimanapun, perbandingan secara langsung dengan individu di bawah Perintah Probesyen memerlukan penyelarasan data, definisi dan kaedah pengukuran yang seragam antara agensi-agensi berkaitan.

Dalam usaha mengurangkan risiko pengulangan jenayah, Jabatan Penjara turut melaksanakan program pemulihan semasa dalam pemenjaraan (*Incare*) serta program lanjutan selepas pembebasan (*Aftercare*). Program ini merangkumi pembangunan sahsiah, bimbingan keagamaan, kaunseling, latihan kemahiran, sokongan keluarga, peluang pekerjaan dan bantuan integrasi semula ke dalam masyarakat. Pendekatan tersebut penting kerana keberkesanan pemulihan bukan sahaja diukur melalui ketiadaan pengulangan jenayah, tetapi juga melalui kestabilan pekerjaan, penerimaan keluarga dan masyarakat serta keupayaan bekas penghuni menjalani kehidupan secara produktif.

Berhubung cadangan mewujudkan sistem penilaian impak dan pangkalan data nasional, perkara ini merupakan satu cadangan yang baik dan boleh diteliti melalui penyelarasan antara Jabatan Penjara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, pihak Kehakiman serta agensi-agensi berkaitan. Sukacita dikongsikan bahawa Jabatan Penjara dan Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam telah mengadakan perbincangan bagi menyokong kajian kriminologi dan kepenjaraan serta pembangunan pangkalan data yang lebih komprehensif. Usaha ini dihasratkan untuk memperkukuh penilaian keberkesanan program berdasarkan kadar pengulangan jenayah, peluang pekerjaan dan tahap integrasi semula ke dalam masyarakat.

No. Soalan: PL226**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE****TARIKH : 08.08.2026 [SABTU]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang sedang dipertimbangkan di bawah undang-undang buruh untuk melindungi pekerja sektor swasta daripada buli di tempat kerja, termasuk takrif yang jelas, saluran aduan sulit, perlindungan daripada tindakan balas, tanggungjawab majikan dan tatacara penyiasatan yang adil bagi salah laku serius di tempat kerja.

JAWAPAN:

Akta Pekerjaan (Penggai 278) yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Buruh, yang mana sekarang telah dikenali sebagai Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan, menyediakan perlindungan terhadap hak dan kebajikan pekerja dari segi terma dan syarat pekerjaan, termasuk kontrak perkhidmatan, pembayaran gaji, waktu bekerja, kerja lebih masa, cuti dan sebagainya.

Sebarang aduan mengenai pelanggaran kontrak perkhidmatan atau peruntukan di bawah Akta berkenaan boleh dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan melalui kaunter perkhidmatan, e-mel led@buruh.gov.bn dan talian hotline: 7298989 (Whatsapp) / 2381848 (waktu bekerja sahaja). Setiap aduan akan diteliti berdasarkan fakta kes, bidang kuasa Jabatan serta peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa. Maklumat pengadu juga akan dikendalikan secara sulit setakat yang dibenarkan, tertakluk kepada keperluan penelitian, penyiasatan dan prosiding kes. Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan juga akan terus melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan dari semasa ke semasa bagi memastikan kebajikan pekerja serta pematuhan majikan terhadap undang-undang pekerjaan sentiasa terpelihara.

Sekiranya perbuatan yang diadakan mempunyai unsur jenayah, seperti ancaman, serangan fizikal, penggunaan kekerasan, intimidasi, gangguan berunsur seksual atau perbuatan lain yang menyalahi undang-undang, pekerja berkenaan boleh dan hendaklah membuat laporan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei. Perkara tersebut seterusnya akan disiasat di bawah Kanun Hukuman Jenayah (Penggai 22) atau mana-mana undang-undang lain yang berkaitan.

No. Soalan: PL190**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN****TARIKH : 08.08.2026 [SABTU]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan jika Kementerian mempertimbangkan, dalam proses pemulihan banduan yang mengikuti program hafazan al-quran, untuk memperkenalkan ganjaran dalam bentuk pengiktirafan dan insentif kewangan yang bersesuaian berdasarkan pencapaian hafazan, termasuk mekanisme penyaluran manfaat kepada rakan seliaan atau ahli keluarga sebagai galakan berterusan ke arah pemulihan dan pengukuhan institusi keluarga?

JAWAPAN:

Sukacita dimaklumkan bahawa perkara ini sedang diteliti sebagai sebahagian daripada usaha semakin terhadap Peraturan Menghafaz Al-Quran 2002 yang sedia ada. Ia dilaksanakan oleh Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS.

Cadangan ini telah pun dibincangkan melalui sesi libat urus Bersama agensi-agensi berkaitan, bagi memastikan pelaksanaannya adalah teratur, bersesuaian dan mencapai objektif rehabilitasi melalui Pendidikan Al-Quran.

Walau bagaimanapun, memandangkan cadangan ini masih dalam proses pertimbangan dan kelulusan pihak-pihak berkenaan, belum dapat diperincikan pada masa ini, bagi mengelakkan sebarang jangkaan terhadap perkara yang belum dimuktamadkan.

Dalam meneliti cadangan ini, terdapat beberapa perkara yang perlu dibezakan; Pengiktirafan formal terhadap pencapaian hafazan; pemberian insentif kewangan; dan mekanisme penyaluran manfaat kepada Rakan Seliaan atau ahli keluarga.

Pertama, dari segi pengiktirafan formal terhadap pencapaian hafazan, saluran sedia ada ialah Ujian Tasmi' Menghafaz Al-Quran Negara Brunei Darussalam bagi kategori 10, 20 dan 30 juzuk. Ujian tersebut terbuka kepada warganegara dan penduduk tetap yang memenuhi syarat. Dengan pengaturan bersama Jabatan Penjara, peserta Program Syafa'atul Quran yang memenuhi syarat sebenarnya juga boleh mengikuti ujian tersebut dan menerima pengiktirafan yang setara dengan calon-calon lain.

Walau bagaimanapun, saluran tersebut hanya meliputi tahap 10, 20 dan 30 juzuk. Oleh itu, pengiktirafan khusus bagi pencapaian hafazan secara berperingkat dalam program pemulihan, termasuk pencapaian di bawah 10 juzuk, boleh turut diteliti supaya kemajuan peserta dapat dihargai secara tersusun dan berterusan.

Kedua, berhubung insentif kewangan, perkara ini sedang diteliti termasuk dari segi asas kelayakan, sumber pembiayaan, kadar atau peringkat insentif, kaedah pengesahan hafazan dan tatacara pembayaran. Penelitian ini juga boleh diselaraskan dengan semakan Peraturan Menghafaz Al-Quran 2002 yang sedang dilaksanakan.

Ketiga, mengenai penyaluran manfaat kepada Rakan Seliaan atau ahli keluarga, Kementerian bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa pemulihan seseorang tidak berlaku dalam keadaan terasing. Keluarga adalah tempat seseorang kembali. Justeru sebarang mekanisme yang menghubungkan pencapaian peserta dengan pengukuhan hubungan keluarga adalah selari dengan matlamat program ini. Matlamat akhirnya ialah supaya penghayatan Al-Quran membentuk disiplin, akhlak dan kekuatan diri yang dapat diteruskan setelah peserta kembali kepada keluarga dan masyarakat.

No. Soalan: PL168**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN****TARIKH : 08.08.2026 [SABTU]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan bagaimanakah Kementerian membangunkan produk yang berpotensi eksport serta mempercepatkan pengkomersialannya melalui pembiayaan dan akses pasaran antarabangsa bagi melahirkan perusahaan halal Brunei yang mampan dan berdaya saing global? Ini adalah berdasarkan pemerhatian produk dan inovasi halal di UNISSA.

JAWAPAN:

Kementerian Hal Ehwal Ugama akan menjawab bahagian yang berada di bawah bidang kuasa Kementerian ini sahaja. Aspek pembiayaan, pengkomersialan dan akses pasaran antarabangsa akan dilengkapkan oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, menurut bidang kuasa Kementerian berkenaan.

Kementerian Hal Ehwal Ugama merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin atas soalan yang menyentuh agenda penting negara, iaitu melahirkan perusahaan halal Brunei yang mampan dan berdaya saing di peringkat global.

Peranan teras Kementerian dalam ekosistem halal negara ialah memelihara integriti pensijilan halal menurut Hukum Syara' dan perundangan yang berkuatkuasa. Bahagian Kawalan Makanan Halal menjalankan proses penilaian dan pemeriksaan, manakala keputusan akhir dibuat oleh Majlis Ugama Islam Brunei. Proses ini memberi keyakinan bahawa penggunaan Sijil, Permit atau Label Halal Brunei disokong oleh piawaian yang ditetapkan.

Walaupun fungsi kawal selia ini dilaksanakan di dalam negara, kredibiliti pensijilan halal merupakan salah satu faktor yang menyokong keyakinan pasaran dan daya saing eksport produk Brunei.

Dipasaran antarabangsa, selain kualiti, harga dan kebolehpercayaan bekalan, pengguna serta pengimport turut menilai kredibiliti pensijilan halal. Oleh itu, integriti Halal Brunei ialah aset pasaran penting yang perlu dipelihara secara konsisten. Berhubung produk dan inovasi halal di UNISSA, peranan Kementerian Hal Ehwal Ugama ialah memberikan panduan awal mengenai keperluan Syara', bahan, proses

dan dokumentasi supaya produk lebih bersedia untuk permohonan pensijilan. Adapun pengkomersialan, pembiayaan dan akses pasaran pula memerlukan laluan kerja bersama UNISSA dengan agensi-agensi yang berkenaan dan berkepentingan

Bagi aspek di luar bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri untuk memberikan penjelasan lanjut mengenai pembiayaan, pembangunan perusahaan dan akses pasaran antarabangsa.

[JAWAPAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT MENTERI PENYELARAS BAGI DASAR-DASAR EKONOMI DAN MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI]

Dari aspek pengkomersialan, pembangunan produk dan inovasi yang berpotensi untuk dikomersialkan dan dieksport perlu disokong secara menyeluruh, iaitu dengan membangunkan ekosistem yang kondusif bagi menyokong pertumbuhan perusahaan. Ini bermula daripada mengenal pasti idea yang mempunyai potensi komersial, membangunkan produk dan keupayaan perusahaan, memenuhi keperluan piawaian dan pasaran, mendapatkan pembiayaan, sehingga kepada akses pasaran domestik dan antarabangsa, termasuk fasilitasi padanan perniagaan (*business matching*) dengan pengimport dan rakan strategik. Pendekatan ini membolehkan perusahaan tempatan memanfaatkan rangkaian pengedaran sedia ada untuk menembusi pasaran baharu dengan lebih cepat dan berkesan.

Bagi melahirkan lebih banyak lagi perusahaan dan penyertaan pengusaha baru, pihak BEDB telahpun menyediakan beberapa program yang turut membantu lepasan-lepasan dari institusi pengajian tinggi seperti UNISSA. Ini termasuk bisnes *bootcamp*, seperti *Micro Bootcamp* (termasuk *hybrid Micro Bootcamp*) dan *Accelerate Bootcamp*.

Business Bootcamp ini bertujuan untuk membantu belia lepasan institusi pengajian tinggi dan pengusaha-pengusaha tempatan untuk memulakan dan mengembangkan perusahaan/perniagaan mereka.

Di samping itu jua pihak BEDB jua menyediakan *Brunei Mentor for Entrepreneurs Network* (BMEN) bagi membolehkan pengusaha-pengusaha yang sudah berjaya dan pakar-pakar industri mengongsikan pengalaman dan ilmu pengetahuan mereka dan seterusnya menjadi pembimbing kepada pengusaha-pengusaha tempatan.

Dalam hubungan ini, BEDB turut melibatkan institusi pengajian tinggi dalam ekosistem keusahawanan dan inovasi bagi mengenal pasti keupayaan serta inisiatif yang sedia ada, di samping memberi pendedahan kepada pelajar dan graduan mengenai laluan untuk membangunkan idea kepada perniagaan.

Sebagai contoh, bersama UNISSA khususnya, BEDB melalui *Brunei Innovation Lab* (BIL) telah terlibat sebagai juri bagi *Entrepreneurship Project* di bawah Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam UNISSA sejak tiga tahun kebelakangan ini, di samping turut menjadi juri bagi *UNISSA Innovation Day* pada tahun lalu. BIL juga merupakan rakan penyokong bagi program *DST Catalyst* bersama Fakulti Teknologi Islam UNISSA, serta kolaborator bersama *UNISSA Halal Thayyiban Research Centre* dalam projek pengkomersialan penyelidikan yang sedang dijalankan bersama Shizuoka University, Jepun. Peserta daripada penglibatan sebegini lazimnya turut disalurkan untuk mengambil bahagian dalam program-program lain dalam ekosistem.

Hasil daripada kesinambungan ini, beberapa syarikat permulaan yang berasal dari UNISSA telah lahir dan berkembang melalui ekosistem ini, seperti:

- Panda Geek Studio (melalui pillar *Game Development*),
- NusrahTech (melalui *DST Catalyst*),
- Bizkita (melalui *UNISSA Entrepreneurship Project* dan *REACH*),
- Intelligent Maqra'ah (melalui AITI Reka Lab),
- TerraTani (melalui *Makerphase*); dan
- Aria Care (melalui *REACH* dan *S673 NatHack*).

Brunei Innovation Lab juga membuka penyertaan kepada institusi pengajian tinggi dan universiti melalui program inovasi yang menghubungkan penyelesaian yang dibangunkan dengan keperluan industri. Oleh itu, inovasi yang mempunyai potensi komersial, termasuk yang dibangunkan di institusi seperti UNISSA, boleh diperkembangkan melalui ekosistem sokongan yang bersesuaian mengikut tahap kesiapsiagaan masing-masing.

Usaha ini turut disokong melalui *REACH Programme* yang diperkenalkan oleh BEDB bagi membantu pelajar mengembangkan projek tahun akhir dan idea mereka kepada model perniagaan yang berdaya maju. Program ini memberi pendedahan kepada asas keusahawanan, pemain dalam ekosistem serta peluang untuk meneruskan pembangunan idea selepas tamat pengajian. Pendekatan ini selaras dengan usaha BEDB untuk memperkukuh laluan daripada pendidikan dan inovasi kepada pembangunan startup dan pengkomersialan. BEDB juga bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi sebagai sebahagian daripada usaha untuk memetakan keupayaan, menyelaraskan program serta menghubungkan idea pelajar dengan ekosistem startup dan keperluan industri.

Bagi produk yang telah dikenal pasti mempunyai potensi pasaran, BEDB menyediakan sokongan untuk meningkatkan kualiti, kapasiti pengeluaran dan pematuhan. Antaranya melalui *Standards Consultancy Programme*, termasuk sokongan berkaitan piawaian antarabangsa seperti GMP, HACCP dan ISO. Setakat ini, 555 syarikat tempatan telah mengikuti latihan berkaitan piawaian dan 65 syarikat telah memperoleh pensijilan piawaian antarabangsa. BEDB turut bekerjasama dengan agensi berkaitan untuk meningkatkan kefahaman PMKS tempatan mengenai proses Pensijilan Halal dan Permit Halal.

Dari segi pembangunan produk dan kemasukan ke pasaran, BEDB menyediakan *Product Development Program* bagi membantu menambah baik produk supaya lebih kompetitif dan memenuhi piawaian pasaran tempatan serta antarabangsa. Melalui inisiatif *Market Entry*, perusahaan yang berpotensi boleh diberikan khidmat nasihat dan pelan tindakan untuk meningkatkan kesiapsiagaan eksport serta menjalankan market trial di pasaran sasaran. BEDB juga bekerjasama dengan pakar pembangunan produk dari luar negara, termasuk Jepun, untuk menilai kualiti dan potensi produk tempatan sebelum diuji di pasaran berkenaan.

Bagi mempercepatkan pertumbuhan dan pengkomersialan perusahaan, beberapa bentuk pembiayaan turut disediakan mengikut tahap dan keperluan syarikat. Antaranya ialah:

- *Skim Co-Matching* sehingga BND20,000;
- *Growth Facilitation Fund* sehingga BND100,000 bagi syarikat yang layak di bawah program *Elevate*; serta
- *Startup Catalyst Fund* yang menyediakan pelaburan padanan bersama firma *venture capital* serantau sehingga BND500,000 bagi startup atau PMKS yang berpotensi berkembang ke pasaran luar negara.
- BEDB juga memudah cara akses kepada pelabur angel dan institusi perbankan.

Sebagai persediaan untuk memasuki pasaran antarabangsa, BEDB turut menyediakan *Export Readiness Training* dan khidmat nasihat eksport bagi membantu perusahaan menilai kesiapsiagaan, memahami pasaran sasaran serta membuat penambahbaikan dari segi produk, pembungkusan dan penyesuaian kepada keperluan pasaran. Dari segi akses pasaran, BEDB memudah cara penyertaan perusahaan dalam ekspo perdagangan, program *Hosted Buyer*, sesi *business matching* dan *market trial*, serta menghubungkan perusahaan dengan pembeli, pengimport dan pengedar luar negara.

Secara keseluruhannya, tumpuan adalah untuk memastikan inovasi yang mempunyai potensi, termasuk yang dibangunkan di institusi seperti UNISSA, tidak terhenti pada peringkat penyelidikan atau pembangunan produk sahaja. Melalui kerjasama institusi pengajian tinggi, pembangunan keupayaan, pematuhan piawaian dan halal, pembiayaan serta akses pasaran, produk yang berpotensi boleh dibimbing ke arah pengkomersialan dan seterusnya berkembang sebagai perusahaan Brunei yang mampan dan berdaya saing di pasaran antarabangsa.

Selain itu, Kementerian sememangnya memberi perhatian khusus kepada pembangunan produk pengusaha tempatan yang berpotensi untuk berkembang secara berskala besar, bukan sahaja bagi memenuhi keperluan pasaran dalam negeri, bahkan untuk menembusi pasaran serantau.

Dalam hubungan ini, Kementerian juga telah melaksanakan beberapa inisiatif melalui pendekatan menyeluruh yang merangkumi keseluruhan rantai nilai, bermula daripada pembangunan produk, peningkatan kapasiti pengeluaran, pematuhan kepada pensijilan dan piawaian antarabangsa, pembangunan pembungkusan dan penjenamaan, sehingga kepada fasilitasi akses pasaran serantau dan antarabangsa.

Usaha pembangunan produk agrikulturan melalui pendekatan ini turut disokong melalui *Taskforce Agrifood* yang ditubuhkan oleh Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri. Melalui platform ini, BEDB bekerjasama dengan agensi berkaitan untuk mengenal pasti strategi, memudah cara penyertaan PMKS tempatan dalam aktiviti pemprosesan dan pengeluaran produk agrikulturan serta meningkatkan peluang eksport.

Melalui *Taskforce Agrifood*, perusahaan dikategorikan mengikut tahap kematangan bagi memastikan setiap syarikat menerima facilitation yang bersesuaian dengan keperluan dan keupayaan mereka. Beberapa program telah dirangka dan dilaksanakan seperti:

- Program *Product Enhancement*;
- Program Penambahbaikan Bahan Input; Program Sistem Penyimpanan;
- Program Pensijilan; serta
- Program Pemudahcara Pasaran tempatan dan eksport

Ini adalah sebagai usaha dalam meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran dan skala operasi pengusaha, termasuk memperkukuh rantai sejuk (*cold chain*) dan proses logistik untuk tujuan eksport.

Fokus Kementerian bukan hanya kepada peningkatan keluaran primer, tetapi juga kepada pemprosesan, penjenamaan, pembungkusan, pensijilan dan pematuhan standard. Ini kerana untuk menembusi pasaran serantau, produk tempatan perlu bukan sahaja berkualiti, tetapi juga mempunyai keupayaan untuk memenuhi keperluan pasaran, logistik dan keyakinan pengguna antarabangsa. Selain itu, Kementerian juga telah melaksanakan pengukuhan biosekuriti di ladang atau kolam ternakan di samping pemantauan kualiti dan keselamatan makanan melalui pensijilan seperti *Brunei Good Agricultural Practices* (BGAP), *Brunei Good Aquaculture Practices* (BGAqP), *Good Manufacturing Practices* dan HACCP bagi memastikan produk memenuhi piawaian keselamatan makanan domestik dan antarabangsa.

Kesimpulannya, pendekatan Kementerian bukan sekadar membantu pengusaha untuk bertahan, tetapi untuk naik ke tahap seterusnya dan seterusnya menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi dan pertumbuhan KDNK negara secara berterusan.

No. Soalan: PL227

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

TARIKH : 08.08.2026 [SABTU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengintegrasikan *National Labour Management System* (NLMS) dengan sistem Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan untuk mewajibkan pemilik kediaman mendaftar dan mengemas kini maklumat pekerja asing yang menyewa kediaman serta membolehkan Ketua Kampung mengesahkan maklumat alamat bagi tujuan kecemasan.

JAWAPAN:

Pengintegrasian antara *National Labour Management System* (NLMS) di Jabatan Buruh yang sekarang ini dikenali sebagai Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan dengan *Immigration and National Registration System* (INRS) di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah dilaksanakan secara berperingkat.

- Sejak April 2023, NLMS menggunakan data daripada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bagi mengesahkan maklumat majikan melalui kaedah *electronic Know Your Customer* atau e-KYC.
- Sejak tahun 2024 pula, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan menggunakan maklumat daripada Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan bagi mengesahkan kelulusan Lesen Pekerja Asing dalam NLMS, sekali gus mengurangkan risiko pemalsuan dokumen.
- Bermula tahun 2025, maklumat kelulusan Lesen Pekerja Asing turut dikongsikan secara langsung antara NLMS dan INRS bagi memproses pengeluaran Visa Kerja.

Pada masa yang sama, keseluruhan proses pengambilan pekerja asing, pengeluaran visa dan Pas Kerja terus diperkukuh melalui penyelarasan antara agensi-agensi berkepentingan. Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan mengesahkan maklumat pendaftaran serta pemilikan syarikat melalui kerjasama dengan *Registry of Companies and Business Names*, manakala Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan memastikan warga asing tinggal dan bekerja secara sah melalui pengurusan visa, pas imigresen dan kad pengenalan. Pemantauan pematuhan turut dilaksanakan melalui pemeriksaan premis serta operasi bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan.

Dari segi alamat kediaman, maklumat tempat tinggal pekerja asing perlu dinyatakan semasa proses permohonan Lesen Pekerja Asing selaras seperti yang digariskan di bawah Bab 86 Akta Pekerjaan Penggal 278. Di bawah Akta Pendaftaran Kebangsaan (Penggal 19) pula, setiap warga asing yang memegang Pas Imigresen yang sah bagi tempoh melebihi tiga bulan juga dikehendaki mendaftar dan memiliki Kad Pengenalan, termasuk memberikan maklumat alamat tempat tinggal. Oleh itu, mekanisme asas bagi merekodkan maklumat pekerja asing dan alamat kediaman telah pun tersedia melalui proses pengurusan tenaga manusia, imigresen dan pendaftaran kebangsaan.

Dalam konteks ini, maklumat yang bersesuaian boleh dikongsikan kepada Penghulu Mukim dan Ketua Kampung bagi tujuan tertentu, termasuk bagi menyokong tindakan kecemasan, pemantauan dan penyelarasan di peringkat akar umbi. Perkara ini juga selaras dengan beberapa Petunjuk Prestasi Utama PMKK yang telah diperkenalkan pada tahun 2024, khususnya KPI 3, iaitu "Peratus aduan penduduk kampung diambil tindakan", dan KPI 4, iaitu "Peratus penduduk mukim atau kampung yang dipeduli, dikelilingi dan ditangani". Kedua-dua KPI ini antara lain bertujuan memastikan kesejahteraan penduduk di setiap mukim dan kampung terus diberi perhatian serta ditangani secara lebih responsif di bawah tanggungjawab Penghulu Mukim dan Ketua Kampung masing-masing.

No. Soalan: PL237

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN

TARIKH : 08.08.2026 [SABTU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan memberikan penerangan berkenaan persembahan bakat seperti *talent show* kanak-kanak dan sebagainya serta jika boleh dibenarkan pada masa tertentu, tertakluk kepada syarat dan kebenaran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi aktiviti hiburan awam bagi menyemarakkan acara keramaian seperti *bazaar* dan *consumer fair* serta menyokong perniagaan tempatan?

JAWAPAN:

Mana-mana penganjuran persembahan, termasuk *talent show* kanak-kanak, hendaklah mematuhi Akta Hiburan Awam (Penggag 181) serta mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Unit Hiburan Awam, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Penganjuran juga tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan, termasuk keperluan memiliki Sijil Perakuan Bomba yang sah, pematuhan kepada waktu persembahan yang dibenarkan serta larangan mengadakan hiburan awam

Selain itu, setiap persembahan akan diteliti dan ditapis oleh Ahli-Ahli Panel Penapisan Filem dan Hiburan Orang Ramai yang dilantik oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Penelitian tersebut merangkumi kandungan persembahan, pemilihan lagu dan lirik, pakaian serta penampilan peserta, bagi memastikan persembahan tidak menjejaskan keselamatan, menyentuh sensitiviti keagamaan dan sosio-budaya, atau bercanggah dengan nilai agama, adat resam, budaya dan ketatasusilaan Negara Brunei Darussalam.

Kementerian pada dasarnya tidak mempunyai halangan terhadap penganjuran persembahan bakat, termasuk *talent show* kanak-kanak, selagi semua keperluan undang-undang dan syarat kelulusan dipatuhi. Pendekatan ini bertujuan memastikan aktiviti hiburan awam dilaksanakan secara terkawal, selamat dan berhemah, di samping menyediakan ruang yang sesuai bagi mencungkil dan mengembangkan bakat tempatan.

No. Soalan: PL286

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

TARIKH : 08.08.2026 [SABTU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah mekanisme yang dilaksanakan bagi mengenal pasti serta mengurangkan keperluan pematuhan kawal selia yang bertindih atau tidak lagi relevan kepada perusahaan tempatan, tanpa menjejaskan kepentingan awam, keselamatan dan integriti sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan?

JAWAPAN:

Dalam konteks Jabatan-Jabatan Bandaran dan Jabatan-Jabatan Daerah, usaha mengenal pasti serta mengurangkan keperluan pematuhan kawal selia yang bertindih atau tidak lagi relevan dilaksanakan melalui semakan berkala terhadap proses kerja, pelaksanaan *Business Process Improvement*, sesi libat urus bersama pihak berkepentingan serta penyelarasan dengan kementerian dan agensi yang mempunyai bidang kuasa teknikal. Melalui pendekatan ini, prosedur, syarat dan keperluan dokumen diteliti bagi menentukan sama ada ia masih diperlukan, boleh dipermudah, digabungkan atau dilaksanakan oleh satu agensi peneraju sahaja, tanpa menjejaskan keselamatan, kesihatan awam, akauntabiliti dan integriti penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

Penambahbaikan proses turut mengambil kira maklum balas daripada pengusaha tempatan, peniaga pasar, tamu dan gerai, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta agensi berkaitan. Sesi libat urus ini membolehkan isu pematuhan di peringkat pelaksanaan dikenal pasti dengan lebih awal, manakala cadangan yang melibatkan perubahan dasar atau syarat kawal selia diselaraskan bersama kementerian dan agensi peneraju mengikut bidang kuasa masing-masing. Pendekatan ini memastikan usaha memudah cara perusahaan tempatan dilaksanakan secara praktikal dan responsif, tanpa mengurangkan perlindungan terhadap kepentingan awam.

Pada masa yang sama, pendigitalan perkhidmatan terus diperkukuh melalui sistem seperti OneBiz, pembayaran sewa dan cukai bangunan secara dalam talian serta penyediaan borang dan maklumat melalui saluran digital. Usaha ini turut disokong oleh projek *Digital Identity* yang membolehkan maklumat asas dan peribadi yang telah disahkan digunakan oleh kementerian dan agensi berkaitan berasaskan prinsip *one source of truth*, tertakluk kepada bidang kuasa serta kawalan keselamatan maklumat yang berkuat kuasa. Sebagai contoh, maklumat Kad Pengenalan boleh digunakan bagi mengesahkan butiran permohonan passport, manakala maklumat ibu bapa yang tersedia dalam sistem boleh dirujuk bagi urusan pendaftaran kelahiran anak.

Pendekatan ini membantu mengurangi pengemukaan dokumen berulang, proses manual dan tempoh pemprosesan.

Secara keseluruhannya, penambahbaikan kawal selia, penyelarasan antara agensi dan pendigitalan perkhidmatan dilaksanakan secara saling melengkapi bagi mewujudkan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, bersepadu dan berorientasikan pelanggan. Pada masa yang sama, keperluan berkaitan keselamatan, kebersihan, pematuhan undang-undang, perlindungan data dan kepentingan awam terus dipelihara.

No. Soalan: PL245

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD
DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB

TARIKH : 08.08.2026 [SABTU]

SOALAN:**YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB**

meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah struktur pekerjaan negara hari ini benar-benar mencerminkan ekonomi berpendapatan tinggi yang disasarkan dalam Wawasan Brunei 2035, dimana hampir satu pertiga tenaga kerja masih berada dalam kategori pekerjaan asas? Apakah sasaran Kerajaan untuk mengurangkan peratusan ini menjelang 2035?

JAWAPAN:

Pekerjaan asas berdasarkan *International Labour Organisation* (ILO) adalah pekerjaan yang melibatkan tugas yang bersifat mudah dan rutin seperti pembersih, pembantu am, pengawal keselamatan, pembantu dapur, pemandu dan operator mesin asas. Kajian Tenaga Kerja 2025 merekodkan seramai 32,300 orang (atau 15 peratus) (iaitu 10,000 pekerja tempatan dan 22,300 pekerja asing) daripada 220,800 orang yang bekerja di sektor awam dan swasta adalah dalam kategori pekerjaan asas, dan bukannya hampir satu pertiga daripada keseluruhan tenaga kerja. Kadar pekerjaan asas secara purata dalam tempoh empat tahun kebelakangan berada dalam lingkungan 16 peratus.

Walaupun pekerjaan asas terus diperlukan bagi menyokong dalam agenda pembangunan ekonomi dan penyampaian perkhidmatan, matlamat ke arah ekonomi berpendapatan tinggi bukan semata-mata untuk menghapuskan kategori pekerjaan tersebut. Perkara yang lebih utama ialah meningkatkan bahagian pekerjaan yang berkemahiran, berproduktiviti dan bernilai tambah tinggi, di samping mempertingkatkan tahap kemahiran, penggunaan teknologi, pendapatan dan laluan perkembangan kerjaya dalam semua kategori pekerjaan.

Sebaliknya, hala tuju Kerajaan adalah untuk mentransformasikan struktur pekerjaan secara berperingkat melalui pewujudan lebih banyak pekerjaan berkualiti, peningkatan kemahiran tenaga kerja dan pembangunan sektor-sektor bernilai tambah tinggi. Dengan pendekatan ini, peratusan pekerjaan asas dijangka dapat dikurangkan secara relatif apabila lebih banyak peluang pekerjaan profesional, teknikal, digital, hijau dan berkemahiran diwujudkan.

Selaras dengan Wawasan Brunei 2035, Kerajaan terus memberikan penumpuan kepada penyediaan pekerjaan yang *decent* iaitu pekerjaan yang menghasilkan pendapatan adil (*fair income*), menjamin keselamatan di tempat kerja, menyediakan perlindungan sosial, dan menawarkan peluang pembangunan kapasiti dan kemahiran bagi pekerja. Selain daripada menarik lebih banyak pelabur langsung asing yang dapat menjana pekerjaan yang lebih berkualiti, Kerajaan juga telah menyediakan dasar gaji minimum di sektor swasta secara berperingkat sebagai langkah untuk mengelakkan para pekerja dalam sektor-sektor tertentu dibayar gaji yang terlalu rendah. Alhamdulillah, sejak pelaksanaannya, sebanyak 99.7% (347 daripada 348) syarikat yang tersenarai di bawah Perintah berkenaan telah mengesahkan bahawa kesemua pekerja mereka dibayar dengan kadar upah minimum yang ditetapkan sekurang-kurangnya BND500 sebulan.

Dalam masa yang sama, Kerajaan terus memperkukuh program *upskilling* dan *reskilling*, program perantisan serta penyelarasan pendidikan dan latihan dengan keperluan industri. Ini termasuk program SkillsPlus, SPIN in Accountancy, program-program di bawah Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan serta kerjasama tripartit melalui *Manpower Industry Steering Committee*. Usaha-usaha ini bertujuan meningkatkan kebolehpasaran, produktiviti dan mobiliti kerjaya tenaga kerja tempatan.

Oleh itu, ukuran kejayaan menjelang tahun 2035 bukan sekadar berapa banyak pekerjaan asas dapat dikurangkan, tetapi sejauh mana lebih ramai rakyat memperoleh pekerjaan berkualiti, meningkatkan kemahiran dan pendapatan, menikmati laluan kerjaya yang lebih baik serta menyumbang kepada ekonomi yang lebih produktif, dinamik dan berdaya tahan.

No. Soalan: PL183 & PL271

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG
HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN**

TARIKH : 08.08.2026 [SABTU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah Kementerian melaksanakan penilaian menyeluruh terhadap keberkesanan dan impak Pusat Pekerjaan Brunei sebagai mekanisme pemadanan tenaga kerja, termasuk data kadar penempatan, pengekalan pekerja tempatan dan jurang kemahiran, bagi memperkukuh guna tenaga tempatan secara mampan?

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan usaha dan perancangan MPEC dalam menyalurkan anggaran kira-kira 3.5 - 4.5 ribu graduan yang masih berstatus pencari kerja ke bidang-bidang kerja sementara dalam bidang yang mereka pelajari, seperti dalam IT, *digital literacy*, AI, pendidikan awal kanak-kanak, pertanian sebagai pembantu, *mentors* dan *trainers*. Ini selain daripada memberi kerja sementara, ia dapat juga menyumbang sama pelaksanaan beberapa rancangan Wawasan 2035.

JAWAPAN:

Sukacita dikongsikan bahawa Pusat Pekerjaan Tempatan (JCB) telah ditubuhkan sejak tahun 2017, yang mana peranan PPB merangkumi bukan sahaja untuk memadankan pencari kerja tempatan dengan peluang pekerjaan, namun juga peranannya kini telah diperluas kepada perkhidmatan pembangunan modal insan yang lebih menyeluruh ke arah meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehkerjaan pencari kerja tempatan. Perkhidmatan ini merangkumi pemadanan pekerjaan, khidmat nasihat kerjaya, program perantisan, peningkatan dan pembaharuan kemahiran (*upskilling and reskilling*) serta penilaian usaha penyetempatan melalui proses *Foreign Worker Clearance Letter* (FWCL). Sehubungan itu, keberkesanan PPB dinilai melalui tiga petunjuk utama (KPI), iaitu:

- i. jumlah pengambilan pekerja tempatan di sektor swasta;
- ii. jumlah penyertaan program perantisan; dan
- iii. penyertaan dan kadar tamat kursus jangka pendek.

Pada lazimnya, sasaran pengambilan anak tempatan di peringkat kebangsaan adalah ditetapkan setiap tahun dan dipantau oleh Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPEC). Sasaran berkenaan secara purata adalah seramai 13,035 orang setiap tahun dengan jumlah purata pencapaian seramai 11,914 orang setiap tahun (atau 91 peratus).

Daripada jumlah tersebut, Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) turut menyumbang melalui pengambilan anak tempatan dalam sektor swasta, dengan mencapai sasaran sebanyak 3,000 pengisian jawatan secara keseluruhan setiap tahun bagi tempoh tahun 2023 hingga 2025 iaitu:

- 3,311 (111%) orang pada tahun 2023,
- 3,056 (102%) orang pada tahun 2024, dan
- 3,102 (103%) orang pada tahun 2025.

Berdasarkan rekod Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) bagi tempoh berkenaan, sebahagian besar jawatan kosong yang berjaya diisikan adalah dalam sektor penginapan dan perkhidmatan makanan (seperti Pelayan), sektor perdagangan borong dan runcit termasuk pembaikan kenderaan bermotor (seperti Juruwang dan Jurujual), sektor perkhidmatan pentadbiran dan sokongan (seperti Pengawal Keselamatan dan Kerani), serta sektor perlombongan dan pengkuarian (seperti Riggers). Sektor-sektor ini secara konsisten mencatatkan permintaan yang tinggi terhadap tenaga kerja dan terus menjadi antara penyumbang utama kepada peluang pekerjaan di sektor swasta.

Berdasarkan tren pencapaian berkenaan, sasaran pengambilan bagi tahun 2026 telah dinaikkan kepada 3,500 pengisian jawatan secara keseluruhan dan setakat 30 Jun 2026, seramai 1,501 orang telah memperoleh pekerjaan melalui inisiatif-inisiatif Pusat Pekerjaan Brunei.

Walau bagaimanapun, penilaian keberkesanan tidak seharusnya hanya berdasarkan jumlah penempatan. Perkara yang turut diberikan perhatian ialah kesesuaian pepadanan, pengekalan pekerja tempatan, perkembangan kerjaya, produktiviti serta jurang kemahiran. Maklum balas majikan dan dapatan *Employer Based Survey* 2024-2025 dan kajian bersama Pusat Kajian Strategik dan Dasar (CSPS) pada tahun 2025 menunjukkan antara cabaran utama yang dihadapi adalah disebabkan calon tidak memenuhi syarat pengalaman atau kemahiran, ketidakpadanan jangkaan gaji dan jenis pekerjaan, serta calon menarik diri daripada proses pengambilan.

Setakat 30 Jun 2026, seramai 14,976 pencari kerja aktif direkodkan di Pusat Pekerjaan Brunei dengan pecahan seperti berikut:

- 4,740 orang (31.7%) mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda dan ke atas;

- 1,944 orang (13%) mempunyai kelayakan HND dan sebanding;
- 3,217 orang (21.5%) mempunyai kelayakan TVET;
- 503 orang (3.4%) mempunyai kelayakan tahap A Level dan sebanding; serta
- 4,572 orang (30.5%) mempunyai kelayakan di peringkat Menengah dan bawah.

Daripada jumlah pencari kerja aktif tersebut, seramai 2,114 orang (14 peratus) mempunyai kelulusan dalam bidang teknologi maklumat, literasi digital, kecerdasan buatan, pendidikan awal kanak-kanak dan pertanian. Pada masa yang sama, sebanyak 147 kekosongan jawatan dalam bidang-bidang berkenaan telah diiklankan melalui portal Pusat Pekerjaan Brunei setakat 30 Jun 2026 dan setakat 31 Julai 2026 tiga (3) jawatan telah diisikan dan selebihnya masih aktif. Data ini menunjukkan bahawa terdapat bekalan bakat tempatan yang berpotensi digerakkan untuk memperoleh pengalaman kerja yang relevan sambil menyumbang kepada pelaksanaan program pembangunan negara.

Dari itu, usaha pepadanan pekerjaan akan terus diberikan keutamaan kepada anak tempatan.

Berhubung cadangan menyalurkan graduan kepada pekerjaan sementara, Kerajaan melalui Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPEC) bersama agensi Kerajaan dan sektor swasta telah menyediakan beberapa mekanisme bagi menyalurkan anak tempatan kepada pekerjaan yang bersesuaian, sama ada pekerjaan tetap mahupun pekerjaan sementara antaranya melalui Program Perantisan i-Ready, *Clinical Supervisory Programme*, dan TechXplore. Setakat 30 Jun 2026, sebanyak 177 jawatan sambilan telah diiklankan melalui portal Pusat Pekerjaan Brunei. Program-program sedemikian memberi peluang kepada graduan memperoleh pengalaman kerja sebenar, meningkatkan kebolehpasaran dan membina rekod pengalaman sebelum dipertimbangkan untuk pekerjaan tetap. [Bagi tahun 2026 setakat 30 Jun 2026, dari jumlah 417 orang yang telah menyertai Program Perantisan i-Ready, seramai 57 orang adalah dari bidang teknologi maklumat, literasi digital, kecerdasan buatan, pendidikan awal kanak-kanak dan pertanian.]

Ke hadapan, penilaian impak Pusat Pekerjaan Brunei akan terus diperkukuh melalui penambahbaikan kualiti dan perkongsian data, penjejakan selepas penempatan, maklum balas majikan serta analisis jurang kemahiran. Kejayaan usaha ini bukan sahaja akan diukur berdasarkan bilangan anak tempatan yang mendapat pekerjaan, tetapi juga sejauh mana mereka dapat mengekalkan pekerjaan, kualiti pepadanan, meningkatkan kemahiran, perkembangan kerjaya dan menyumbang secara produktif kepada ekonomi negara. Kejayaan usaha ini tidak lagi dinilai berdasarkan pencapaian sesuatu organisasi secara berasingan, tetapi melalui keupayaan semua pihak untuk berganding bahu menghasilkan impak yang nyata kepada rakyat.

No. Soalan: PL246**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB****TARIKH : 08.08.2026 [SABTU]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan dasar Ganjaran Berdasarkan Nisbah Tenaga Kerja Tempatan, iaitu keutamaan perolehan kerajaan atau insentif cukai kepada syarikat yang mengekalkan sekurang-kurangnya 70% tenaga kerja tempatan, dan apakah mekanisme pelaksanaan atau halangan utamanya?

JAWAPAN:

Kaedah Nisbah Tempatan Asing (NTA) memang sudah dalam perancangan. Walau bagaimanapun penetapan nisbah perlu diteliti secara mendalam dengan mengambil kira kemampuan berbagai jenis syarikat di dalam sektor-sektor yang berbeza. Pertimbangan juga perlu mengambil kira ketersediaan bekalan tenaga kerja tempatan yang mempunyai kemahiran dan juga pengalaman yang sepadan dengan keperluan syarikat.

Dari segi insentif, beberapa kemudahan percukaian telah tersedia di bawah Akta Cukai Pendapatan (Penggali 35) bagi menggalakkan syarikat mengambil, membangunkan dan mengekalkan pekerja tempatan, termasuk Kredit Cukai Sumbangan Tambahan Caruman TAP yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2011, Kredit Cukai Pengambilan Tenaga Kerja Tempatan dan Kredit Cukai Latihan yang telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012.

Kredit Cukai Sumbangan Tambahan Caruman TAP diberikan sebanyak 10 peratus ke sumbangan tambahan dari jumlah sumbangan caruman tahun sebelumnya ke dalam caruman Tabung Amanah Pekerja. Bagi Kredit Cukai Pengambilan Tenaga Kerja Tempatan pula, syarikat yang mengambil pekerja tempatan baharu boleh menuntut kredit cukai sebanyak 50 peratus daripada jumlah gaji yang dibayar kepada pekerja tempatan berkenaan bagi tempoh maksimum tiga (3) tahun. Manakala, di bawah kredit cukai latihan, syarikat yang mengeluarkan perbelanjaan bagi latihan pekerja dibenarkan menuntut kredit cukai sebanyak 100 peratus daripada jumlah gaji kasar yang dibayar sepanjang tempoh latihan tersebut.